

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 JAN 2015

# PM arah siasat individu sabotaj ekonomi

Oleh HUSSAINI AMRAN  
dan MOHAMMAD YASIR JAAFAR  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 JAN.

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak mengarahkan agensi kerajaan yang berkaitan supaya mengambil tindakan terhadap dakwaan tentang kegiatan individu tertentu mensabotaj ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, bukti perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum tindakan sewajarnya diambil terhadap individu terbabit.

“Kita kena peroleh bukti terlebih dahulu seperti apa yang didakwa. Kita berharap badan kerajaan yang relevan akan ambil tindakan sewajarnya,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Semalam, Ahli Parlimen Kepala Batas, Reezal Merican Naina Merican menggesa Bank Negara Malaysia (BNM) menyiasat individu-individu yang cuba mengambil kesempatan mengaut keuntungan melalui urusan niaga mata wang negara bagi menaja dan menjalankan operasi beberapa media baharu untuk melancarkan fitnah terhadap kerajaan.

Beliau berkata, sekiranya perlu, kaedah pengawalan *short position* melalui mekanisme yang ada di negara ini dan turut diamalkan di Australia dalam mengawal urusan niaga mata wang perlu dilaksanakan untuk membendung aktiviti berkenaan.

Katanya, kajian juga perlu dilakukan sama ada perbuatan sabotaj itu boleh didakwa di bawah Akta Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2010 untuk memastikan pencegahannya lebih berkesan.

Sementara itu, Najib yang juga Presiden UMNO memberitahu,



NAJIB TUN RAZAK dan Muhyiddin Yassin dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA



**Kita kena peroleh bukti terlebih dahulu seperti apa yang didakwa. Kita berharap badan kerajaan yang relevan akan ambil tindakan sewajarnya.”**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

pelancaran Indeks Syariah Malaysia pada 10 Februari ini bakal menjadi penanda aras bagi memartabatkan syiar dan syariat Islam sekali gus membuktikan UMNO komited dalam memperjuangkan Islam di negara ini.

Menurut beliau, inisiatif itu selari dengan komitmen UMNO dalam memartabatkan syiar dan syariat Islam yang termaktub dalam Fasal 3

Perlembagaan parti.

Perdana Menteri menjelaskan, sebelum ini, tiada penanda aras khususnya dalam lima perkara yang berkaitan dengan konsep maqasid syariah iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

“Indeks berkenaan akan melibatkan lapan sektor utama iaitu pendidikan, ekonomi, infrastruktur dan alam sekitar, perundangan, kesihatan, politik, budaya dan sosial,” katanya.

Najib menambah, inisiatif yang akan dilancarkan sempena Majlis Perdana Ulama Umara 2015 itu berupaya mengukur iltizam dan pencapaian kerajaan serta kekurangan yang boleh ditambah baik dalam memartabatkan syiar Islam di negara ini.

“Apabila dilancarkan, Malaysia akan menjadi negara pertama melakukan indeks syariah dan kita berharap selepas ini, inisiatif tersebut akan diterima pakai di negara-negara Islam lain,” ujarnya.

umi - 31/1/2015